

NAMA MURID	
KELAS	

**PEPERIKSAAN AR2 SETARA TINGKATAN 5
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2026**

EKONOMI

3767/1

Kertas 1

Ogos 2026

1 ¼ jam

SATU JAM LIMA BELAS MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi **11** halaman bercetak termasuk muka depan


- 1 Faktor pengeluaran manakah yang memberi ganjaran dalam bentuk sewa?
 - A Tanah
 - B Buruh
 - C Modal
 - D Usahawan
- 2 Apakah tujuan Syarikat Kenangan Budi membuat pilihan dalam pengeluaran barangan?
 - A Memenuhi kehendak manusia yang pelbagai
 - B Mengelakkan masalah pembaziran dan ketirisan
 - C Meminimumkan kos pengeluaran sesuatu keluaran
 - D Memaksimumkan kepuasan dan keinginan pelanggan
- 3 Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah asas yang dihadapi oleh Syarikat WSH Sdn Bhd.

Syarikat WSH Sdn Bhd. terletak di Ayer Keroh Melaka mengeluarkan pelbagai jenis coklat menggunakan 500 orang pekerja tempatan

- Apakah masalah asas ekonomi yang **telah** diselesaikan oleh Syarikat WSH Sdn Bhd?
- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Bagaimana hendak dikeluarkan
 - III Berapa yang hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 4 Apakah ciri sistem ekonomi perancangan pusat?
 - A Motif pengeluaran adalah memaksimumkan keuntungan
 - B Harga ditentukan melalui kuasa pasaran
 - C Persaingan wujud antara firma
 - D Pilihan pengguna terbatas
 - 5 Andaikan ikan dan kari adalah barang penggenap, pengurangan harga ikan akan...
 - A Mengurangkan permintaan ikan
 - B Menambahkan permintaan ikan
 - C Menambah permintaan serbuk kari
 - D Mengurangkan permintaan serbuk kari




- 6 Rajah 1 menunjukkan perubahan permintaan pengguna terhadap suatu barang.



Rajah 1

Apakah yang menyebabkan perubahan keluk permintaan di atas?

- A Harga barang itu berkurangan
 - B Citarasa terhadap barang itu meningkat
 - C Kerajaan mengenakan cukai barangan
 - D Jangkaan harga pada masa depan jatuh
- 7 Pernyataan manakah betul tentang keluk permintaan pasaran?
- A Bentuk keluk mencerun ke atas dari kiri ke kanan
 - B Diterbitkan daripada keluk-keluk permintaan individu
 - C Menunjukkan hubungan langsung antara harga dengan kuantiti
 - D Keluk permintaan lebih curam berbanding keluk permintaan individu
- 8 Rajah 2 berkaitan dengan keseimbangan pasaran sarung tangan getah.




Rajah 3

Rajah 2

Situasi yang manakah menyebabkan perubahan di atas?

- A Upah buruh meningkat
- B Harga getah sintetik naik
- C Inovasi dalam pengeluaran
- D Objektif pengeluaran adalah untuk memaksimumkan keuntungan

- 9 Rajah 3 menunjukkan keseimbangan dalam pasaran barang.



Rajah 3

Apakah akan terjadi jika berlaku peralihan keluk permintaan di atas?

- A Harga getah sintetik naik
 - B Harga keseimbangan akan meningkat
 - C Kuantiti keseimbangan tidak berubah
 - D Harga keseimbangan akan menurun
- 10 Penawaran biskut bertambah daripada 160 unit kepada 260 unit apabila harga biskut meningkat daripada RM1.50 kepada RM2.00.
Berapakah nilai keanjalan harga penawaran untuk biskut tersebut?
- A 0.53
 - B 0.87
 - C 1.54
 - D 1.88
- 11 Pernyataan dibawah berkaitan dengan keanjalan harga permintaan suatu barang.

Barang X mempunyai nilai keanjalan harga permintaan yang bersamaan dengan 0.68

Apakah akan terjadi apabila pengeluar menurunkan harga barang X?

- A Jumlah hasil pengeluar akan menurun
 - B Jumlah hasil pengeluar akan bertambah
 - C Jumlah hasil pengeluar tidak akan berubah
 - D Jumlah pengeluaran barang X akan bertambah
- 12 Maklumat di bawah berkaitan satu urusaniaga dalam ekonomi.

Mat Kalis mengeluarkan wang tabungan sebanyak RM 500 untuk membuat bayaran bulanan motosikal kepada Kedai Motor Suria.

Apakah fungsi wang yang berlaku dalam situasi di atas?

- A Alat ukuran nilai
- B Alat Simpanan nilai
- C Alat Bayaran tertunda
- D Alat Perantaraan pertukaran

- 13 Maklumat dibawah ini berkaitan dengan satu fungsi bank pusat.

Memberi pinjaman terakhir apabila bank kekurangan tunai

Apakah fungsi bank pusat tersebut?

- A** Jurubank kepada kerajaan
 - B** Jurubank kepada bank perdagangan
 - C** Mengawal kestabilan nilai mata wang
 - D** Mengawal kestabilan ekonomi negara
- 14 Maklumat berikut berkaitan dengan kemudahan deposit yang disediakan oleh bank perdagangan.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Boleh mengeluarkan wang pada bila-bila masa dengan cek dan ATM• Boleh memohon overdraf bank |
|--|

Nyatakan jenis deposit yang mewakili pernyataan tersebut.

- A** Deposit tetap
 - B** Deposit tabungan
 - C** Deposit wadiah
 - D** Deposit semasa
- 15 Antara yang berikut, yang manakah faedah sampingan dalam faktor pemilihan pekerjaan?
- I Elaun Perumahan
 - II Faedah Persaraan
 - III Prospek Pekerjaan
 - IV Suasana Tempat Kerja
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV



- 16 Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis pendapatan individu.

Pendapatan individu = Upah + Sewa + Faedah + Dividen + **X** + Bayaran Pindahan

Situasi manakah yang menerangkan **X**?

- A Encik Asrul mendapat RM1 500 setahun bagi akaun Amanah Saham Bumiputera
 - B Cik Zaiton memenangi baucar buku daripada Kedai Buku Rahim bernilai RM100
 - C Encik Yew menerima RM3 000 atas penggunaan rumah kedai miliknya
 - D Puan Perimala memperoleh RM380 sebulan atas jualan kerepek ubinya
- 17 Antara berikut, yang manakah potongan wajib?
- A Dividen
 - B Pendapatan boleh guna
 - C KWSP
 - D Bayaran pindahan
- 18 Jadual 4 menunjukkan perbelanjaan dan potongan wajib Encik Danish.

Butiran	RM
Zakat	150
Cukai Pendapatan	55
KWSP	200
Insurans Nyawa	60
Sewa	40

Berapakah jumlah potongan wajib Encik Danish ?

- A RM405
 - B RM410
 - C RM455
 - D RM465
- 19 Pernyataan manakah yang betul tentang belanjawan peribadi?
- A Dapat mengawal kejatuhan harga barang
 - B Membantu individu berbelanja secara berhemah
 - C Menggalakkan individu untuk berbelanja sesuka hati
 - D Membolehkan individu membeli barang kehendak dengan mudah

- 20 Jadual 5 menunjukkan keluaran, kos berubah dan jumlah kos bagi sebuah firma.

Keluaran (unit)	Kos Berubah (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	0	100
1	50	150
2	100	200

Berapakah kos tetap firma?

- A RM50
 B RM100
 C RM150
 D RM200
- 21 Maklumat berikut menunjukkan hasil dan kos Syarikat Mutiara Sdn Bhd.

Jumlah Keluaran	2000 unit
Harga seunit	RM15
Sewa Kilang	RM3 000
Bahan Mentah	RM12 000
Buruh	RM5 000
Bahan api	RM2 000

Berapakah untung yang diperolehi Syarikat Mutiara Sdn Bhd.

- A RM8 000
 B RM12 000
 C RM15 000
 D RM18 000
- 22 Maklumat berikut berkaitan dengan pengangguran

Syarikat Bunga Keladi Sdn Bhd telah memberhentikan ramai pekerja semasa berlaku kemelesetan ekonomi kerana ingin mengurangkan kos perbelanjaan syarikat.

Apakah jenis pengangguran yang dialami oleh pekerja syarikat tersebut?

- A Pengangguran Geseran
 B Pengangguran Kitaran
 C Pengangguran Bermusim
 D Pengangguran Berstruktur

- 23 Manakah yang menyebabkan inflasi tolakan kos ?
- A Pengembangan kredit bank perdagangan
 - B Pertambahan kos bahan api
 - C Peningkatan dalam perbelanjaan penggunaan
 - D Peningkatan dalam perbelanjaan kerajaan
- 24 Cukai langsung adalah cukai yang dikenakan terhadap
- A Pembeli kereta dari korea
 - B Pemilik rumah
 - C Getah yang dieksport ke Singapura
 - D Pengambilan buruh asing dari Nepal
- 25 Apakah kesan penurunan kadar faedah terhadap pengguna?
- A Pengguna akan mengurangkan jumlah pinjaman
 - B Kos pinjaman meningkat
 - C Pengguna perlu menyediakan lebih wang semasa berbelanja
 - D Perbelanjaan pengguna dalam ekonomi meningkat
- 26 Situasi berikut berkaitan dengan satu keadaan ekonomi.

Kadar pengangguran Malaysia turun ke paras terendah dalam 10 tahun

KUALA LUMPUR : Kadar pengangguran pada April 2025 turun kepada 3.0 peratus , paras terendah dalam tempoh 10 tahun dengan 525 900 penganggur , demikian menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pada April 2025, bilangan tenaga buruh terus berada pada trend menaik, dengan peningkatan sebanyak 0.2 peratus kepada 17.34 juta orang.

Sumber <https://www.bharian.com.my>

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah objektif makroekonomi yang telah dicapai?

- A Guna tenaga penuh
- B Kestabilan harga
- C Keseimbangan imbalan pembayaran
- D Pertumbuhan ekonomi

27 Contoh yang manakah merupakan perbelanjaan pembangunan kerajaan.

- A Serahan kepada kerajaan Perlis untuk baik pulih jalan raya yang rosak di Ipoh
- B Agihan subsidi anak benih padi IS21 kepada pesawah di Kampung Paya.
- C Membayar kos penyelenggaraan makmal komputer di SMK Putra
- D Belanja menyiapkan stadium mini di SMK Syed Hassan

28 Pernyataan manakah betul tentang dasar kewangan menguncup ?

- A Dilaksanakan untuk mengatasi inflasi dalam negara
- B Boleh dilakukan melalui pembelian surat jaminan kerajaan
- C Bertujuan untuk menambah bekalan wang di pasaran
- D Berupaya meningkatkan kuasa beli pengguna

29 Pernyataan yang manakah benar tentang kenaikan harga barang secara berterusan?

- A Harga barangan eksport menjadi murah
- B Kadar pengangguran meningkat
- C Jumlah tabungan meningkat
- D Kadar faedah meningkat

30 Jadual menunjukkan kadar pertukaran antara Dolar Amerika Syarikat (USD) dengan Ringgit Malaysia (RM).

Tahun	Kadar Pertukaran
Disember 2019	USD1 = RM3.80
Januari 2020	USD1 = RM4.10

Firma Y mengimport suatu barang dari Amerika Syarikat bernilai USD50 000 pada bulan Disember 2019, tetapi pembayaran dilakukan pada Januari 2020.

Pasangan yang manakah betul tentang kesan kepada **Firma Y**?

	Untung/Rugi	Nilai (RM)
A	Untung	15 000.00
B	Untung	962.80
C	Rugi	962.80
D	Rugi	15 000.00

31 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan peranan kerajaan dalam menggalakkan globalisasi?

- A Menggalakkan industri penggantian import
- B Membina lapangan terbang baharu
- C Mengecualikan visa semasa ketibaan pelancong
- D Memiliki sumber alam semulajadi yang unik

- 32 Apakah kesan positif pelaksanaan tarif dalam kegiatan perdagangan antarabangsa?
- A Harga barang diimport akan menurun
 - B Penurunan guna tenaga dalam negara tempatan
 - C Perbelanjaan negara ke atas barang import menurun
 - D Permintaan barang diimport akan meningkat
- 33 Situasi yang manakah menunjukkan contoh eksport tak nampak negara
- A Firma dari Jerman mendapat kontak membina pelabuhan di Johor.
 - B Rakyat Brunei yang berkecayaan menyambung pengajian di UIA Gombak
 - C Petronas Carigali membekalkan minyak mentah ke Jepun
 - D Syarikat Perodua membawa masuk alat ganti dari Thailand
- 34 Apakah cara yang paling berkesan untuk mengehadkan kuantiti barang yang diimport?
- A Kuota
 - B Tarif
 - C Kawalan pertukaran asing
 - D Embargo

Soalan 35 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti dalam jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 35 I Implikasi daripada sesuatu pilihan adalah kos lepas.
 II Kos lepas bagi firma ialah kebajikan yang mungkin diperoleh daripada projek Pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan.
- 36 I Hukum permintaan menyatakan apabila harga menurun maka kuantiti diminta meningkat.
 II Hukum permintaan menyebabkan keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan.
- 37 I Hukum penawaran menyatakan jika harga barang meningkat, kuantiti yang ditawarkan akan berkurang.
 II Wujud hubungan negatif antara harga barang dengan kuantiti ditawarkan di dalam hukum penawaran



- 38 I Overdraf adalah kemudahan pinjaman yang diberi kepada pemegang akaun simpanan tetap.
- II Kemudahan overdraf membolehkan pelanggan mengeluarkan wang melebihi baki dalam akaun setakat had yang diluluskan oleh bank.
- 39 I Perbelanjaan mengurus merupakan perbelanjaan semasa yang berulang-ulang yang ditanggung oleh kerajaan.
- II Contoh perbelanjaan mengurus ialah bayaran emolumen.
- 40 I Kadar pertukaran asing adalah nilai satu unit mata wang sesebuah negara dalam sebutan mata wang negara lain.
- II Perubahan kadar pertukaran asing sesebuah negara akan menyebabkan perubahan permintaan ke atas eksport dan import negara lain.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT